

SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2019

A. PERMOHONAN BAHARU DAN KEMAS KINI BSH 2019

1. S: Bilakah pendaftaran BSH 2019?

J: Pendaftaran BSH 2019 bermula pada 1 Februari 2019 hingga 15 Mac 2019 (tertakluk kepada pindaan).

2. S: Bagaimana cara untuk saya membuat Permohonan BSH 2019?

J: Anda boleh membuat Permohonan BSH 2019 seperti berikut:

i. Permohonan Secara Dalam Talian

Permohonan BSH 2019 boleh dibuat di:

- a. Portal Rasmi BSH LHDNM, <https://bsh.hasil.gov.my>; atau
- b. Aplikasi Semakan Bantuan Sara Hidup dengan memuat turun di *Play Store* / *App Store* pada telefon bimbit

ii. Permohonan Melalui Borang

Borang Permohonan BSH 2019 (BK-01) boleh didapati secara percuma di:

- a. Portal Rasmi BSH LHDNM; atau
- b. Cawangan LHDNM / Pusat Khidmat Hasil (PKH) LHDNM / Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM

3. S: Di mana saya boleh menghantar Borang BSH 2019 yang telah lengkap diisi?

J: Anda boleh menghantar Borang BSH 2019 di kaunter-kaunter berikut:

- i. Cawangan LHDNM / Pusat Khidmat Hasil (PKH) LHDNM / Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM; atau
- ii. Pejabat Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP); atau
- iii. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK); atau
- iv. Pejabat Daerah / Pejabat Residen

Atau penghantaran secara Pos ke alamat seperti berikut:

Peti Surat BSH
GPO Shah Alam
40800 Selangor

Penghantaran **secara faks dan e-mel** adalah tidak diterima.

4. **S: Bolehkah saya membuat salinan Borang Permohonan BSH 2019 bagi pengisian borang dan adakah terdapat apa-apa caj yang dikenakan semasa pengisian Borang BSH 2019?**
- J: Ya. Anda boleh membuat salinan Borang BSH 2019 dan tiada apa-apa caj yang dikenakan semasa pengisian Borang BSH 2019.
5. **S: Apakah kategori yang layak bagi Permohonan BSH 2019?**
- J: Kategori yang layak bagi permohonan BSH 2019 adalah seperti berikut:
- i. Kahwin; atau
 - ii. Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda yang mempunyai anak; atau
 - iii. Warga emas sebatang kara
6. **S: Apakah kriteria kelayakan bagi pemohon BSH 2019 berstatus kahwin?**
- J: Pemohon BSH 2019 yang berstatus kahwin perlulah memenuhi kelayakan seperti berikut:
- i. Pemohon
 - a) Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia sahaja
 - b) Lelaki atau perempuan yang menjadi ketua keluarga yang tinggal serumah dan bekerja di Malaysia dengan jumlah pendapatan kasar bulanan isi rumah RM4,000 dan ke bawah
 - ii. Pasangan
 - a) Warganegara Malaysia (MyKad) atau memiliki pengenalan Malaysia (MyPR / MyKAS); atau
 - b) Bukan Warganegara Malaysia (selain pengenalan MyPR / MyKAS) **DAN** mempunyai anak Warganegara Malaysia (MyKad / MyKid)
 - iii. Anak (jika mempunyai anak)
 - a) Hubungan mestilah anak kandung (termasuk anak tidak sah taraf) atau anak angkat yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sahaja; dan
 - b) Warganegara Malaysia dan memiliki pengenalan Malaysia (MyKad / MyKid) sahaja; dan
 - c) Tidak bekerja atau tiada punca pendapatan; dan
 - d) 18 tahun dan ke bawah; atau
 - e) 19 tahun dan ke atas:
 - Masih belajar sepenuh masa di Institusi Pengajian Awam / Swasta; atau
 - Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

7. S: Apakah kriteria kelayakan bagi pemohon BSH 2019 berstatus Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda yang mempunyai anak?

J: Pemohon BSH 2019 yang berstatus Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda yang mempunyai anak perlulah memenuhi kelayakan seperti berikut:

- i. Pemohon
 - a) Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia sahaja
 - b) Lelaki atau perempuan yang menjadi ketua keluarga yang tinggal serumah dan bekerja di Malaysia dengan jumlah pendapatan kasar bulanan isi rumah RM4,000 dan ke bawah
- ii. Anak
 - a) Hubungan mestilah anak kandung (termasuk anak tidak sah taraf) atau anak angkat yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sahaja; dan
 - b) Warganegara Malaysia dan memiliki pengenalan Malaysia (MyKad / MyKid) sahaja; dan
 - c) Tidak bekerja atau tiada punca pendapatan; dan
 - d) 18 tahun dan ke bawah; atau
 - e) 19 tahun dan ke atas:
 - Masih belajar sepenuh masa di Institusi Pengajian Awam / Swasta; atau
 - Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

8. S: Apakah kriteria kelayakan bagi pemohon BSH 2019 berstatus Warga Emas Sebatang Kara?

J: Pemohon BSH yang berstatus Warga Emas Sebatang Kara perlulah memenuhi kelayakan seperti berikut:

- i. Lelaki atau perempuan Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia
- ii. Jika bekerja, pendapatan kasar bulanan adalah RM4,000 dan ke bawah.

9. **S: Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa membuat permohonan BSH 2019?**

J: Salinan dokumen sokongan pemohon / pasangan / anak (jika berkaitan) yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

i. Pemohon:

- a) Salinan Sijil Perkahwinan yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri / JPN; atau
- b) Salinan Sijil Kematian pasangan yang dikeluarkan oleh JPN; atau
- c) Sijil Perceraian (asal dan salinan) yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri / JPN; atau
- d) Salinan Sijil Dekri Nisi / Dekri Nisi Mutlak yang dikeluarkan oleh Mahkamah

ii. Pasangan:

- a) Salinan pengenalan Pasangan (MyKad / MyPR / MyKAS); atau
- b) Salinan Pasport / Visa / UNHCR / Pas Sempadan / No. KP Lama / Sijil Lahir

iii. Anak:

- a) Anak Kandung
 - Salinan Sijil Lahir
- b) Anak Angkat
 - Salinan MyKad / MyKid
 - Salinan Sijil Daftar Anak Angkat yang dikeluarkan oleh JPN

Borang Serahan Dokumen Sokongan BSH 2019 (BK-18) perlu diisi semasa mengemukakan dokumen sokongan berkenaan ke LHDNM **ATAU** boleh memuatnaik ke sistem BSH semasa permohonan secara dalam talian.

10. **S: Permohonan Secara Dalam Talian memerlukan saya mengisi maklumat Nombor Telefon Bimbit. Jika saya tidak mempunyai Nombor Telefon Bimbit, bagaimanakah saya perlu menghantar Permohonan BSH 2019?**

J: Anda boleh menghantar permohonan BSH 2019 dengan mengemukakan Borang Permohonan BSH 2019 (BK-01) ke Cawangan LHDNM berhampiran.

11. **S: Adakah Nombor Telefon Bimbit perlu diisi semasa permohonan BSH 2019?**
- J: Maklumat Nombor Telefon Bimbit MESTI diisi bagi permohonan BSH 2019 secara dalam talian kerana Nombor Telefon Bimbit diperlukan bagi tujuan penghantaran nombor *Transaction Authorizatian Code* (TAC).
12. **S: Apakah kegunaan Nombor *Transaction Authorizatian Code* (TAC)?**
- J: Nombor TAC akan digunakan ketika pemohon log masuk MyBSH bagi membuat semakan, kemas kini permohonan, cetakan, paparan permohonan dan Peti Mel secara dalam talian. Nombor TAC akan dihantar ke Nombor Telefon Bimbit yang telah didaftarkan.
13. **S: Saya telah menghantar permohonan BSH 2019. Sekiranya ada perubahan maklumat, adakah saya masih boleh membuat kemas kini permohonan?**
- J: Ya. Kemas kini maklumat boleh dibuat sebelum tarikh tutup permohonan BSH 2019.
14. **S: Saya telah menghantar Borang Permohonan BSH 2019 ke Cawangan LHDNM. Adakah saya boleh mengemas kini semula permohonan secara dalam talian?**
- J: Tidak. Kemas Kini secara dalam talian tidak dibenarkan sekiranya anda telah menghantar Permohonan Baharu / Kemas Kini ke Cawangan / PKH / UTC LHDNM yang berhampiran dan telah diproses oleh LHDNM. Oleh itu, sebarang Kemas Kini permohonan BSH selanjutnya, anda perlu kemukakan semula Borang Permohonan BSH 2019 (BK-01) ke Cawangan / PKH / UTC LHDNM.
15. **S: Saya telah membuat permohonan BSH 2019 secara dalam talian dan juga telah berjaya memuatnaik di Sistem BSH semua dokumen sokongan yang diperlukan. Adakah saya masih perlu kemukakan semula dokumen sokongan berkenaan ke Cawangan LHDNM?**
- J: Tidak. Sekiranya dokumen sokongan yang diperlukan telah berjaya dimuatnaik di Sistem BSH semasa permohonan secara dalam talian, anda tidak perlu kemukakan semula dokumen berkenaan ke Cawangan LHDNM.

16. **S: Adakah saya perlu kemukakan slip gaji bagi membuktikan pendapatan saya?**
- J: Tidak perlu kerana maklumat pendapatan akan disemak melalui agensi yang telah dilantik oleh Kerajaan.
17. **S: Saya hanya mempunyai Kad Pengenalan Lama dan tidak memperbaharuihnya lagi. Adakah saya boleh membuat Permohonan BSH 2019?**
- J: Anda perlu merujuk Jabatan Pendaftaran Negara untuk mendapatkan MyKad kerana Permohonan BSH 2019 mewajibkan penggunaan MyKad sahaja. Permohonan BSH 2019 hanya boleh dilakukan setelah anda mempunyai MyKad.
18. **S: Sijil perkahwinan saya telah hilang, apakah dokumen sokongan yang boleh digunakan untuk pengesahan status perkahwinan?**
- J: Dokumen berikut boleh digunakan sebagai pembuktian Status Perkahwinan:
- i. Kad nikah; **atau**
 - ii. Sijil Lahir Anak
19. **S: Saya berstatus bujang tetapi mempunyai anak angkat. Adakah saya boleh membuat permohonan BSH 2019?**
- J: Sekiranya anda berstatus bujang dan tidak pernah berkahwin, anda tidak layak untuk membuat permohonan BSH 2019.
20. **S: Bagaimana sekiranya saya tidak mengisi nombor akaun bank semasa Permohonan BSH 2019?**
- J: Anda digalakkan untuk mengisi nombor akaun bank kerana pembayaran BSH 2019 adalah secara pengkreditan ke akaun. Sekiranya anda tidak mengisi akaun bank, **BSN mempunyai kuasa untuk membuka akaun anda / isteri (pasangan)** seperti klausa yang terkandung dalam Borang Permohonan Bantuan Sara Hidup (BSH) 2019 (BK-01) **“Jika tiada maklumat akaun bank, akaun tidak sah atau pindahan tidak berjaya dilaksanakan, saya dengan ini memberi kebenaran dan kuasa kepada Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk membuka akaun saya / isteri saya di BSN bagi tujuan di atas tertakluk kepada terma dan syarat pembukaan akaun BSN”**.

21. S: **Apakah akaun bank yang perlu saya daftarkan ketika Permohonan BSH 2019?**

J: Anda perlu mendaftarkan akaun bank persendirian seperti berikut:

- i. Maklumat **akaun bank isteri (pasangan)** sekiranya:
 - Permohonan BSH 2019 dibuat atas nama suami; dan
 - Pemohon berstatus kahwin (Pemohon dan pasangan (isteri) Warganegara Malaysia)
- ii. Maklumat **akaun bank pemohon** sekiranya:
 - Pemohon berstatus Kahwin (pasangan (isteri) Bukan Warga Negara Malaysia); atau
 - Pemohon berstatus Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda; atau
 - Pemohon berstatus Warga Emas sebatang kara

Permohonan yang tiada maklumat akaun bank, akaun tidak sah atau pindahan tidak berjaya dilaksanakan, BSN akan membuka akaun bank berdasarkan maklumat di Permohonan BSH 2019 (Pemohon / Pasangan).

22. S: **Pasangan saya tidak mempunyai akaun bank, adakah pasangan saya perlu membuka akaun terlebih dahulu bagi mengisi Permohonan BSH 2019?**

J: Pasangan anda **tidak perlu membuka akaun bank** bagi pengisian maklumat bank pada permohonan BSH 2019. Sekiranya Permohonan BSH 2019 diluluskan dan tidak mengisi akaun bank, BSN mempunyai kuasa untuk membuka akaun anda / isteri (pasangan) seperti klausa yang terkandung dalam Borang Permohonan Bantuan Sara Hidup (BSH) 2019 (BK-01) “**Jika tiada maklumat akaun bank, akaun tidak sah atau pindahan tidak berjaya dilaksanakan, saya dengan ini memberi kebenaran dan kuasa kepada Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk membuka akaun saya / isteri saya di BSN bagi tujuan di atas tertakluk kepada terma dan syarat pembukaan akaun BSN**”.

23. S: **Saya berkahwin luar negara dan mempunyai sijil perkahwinan yang sah dari negara tersebut, adakah saya layak memohon BSH 2019 dan apakah dokumen yang diperlukan?**

J: Tidak. Anda tidak layak memohon kecuali anda telah mendaftar perkahwinan dengan JPN atau Jabatan Agama Islam Negeri.

24. **S:** Anak saya berumur 20 tahun dan dikategorikan sebagai OKU kerana mengalami kemalangan pada tahun ini. Bolehkah saya kemas kini maklumat anak saya dalam permohonan BSH 2019?
- J: Anda boleh mengemaskini maklumat anak anda di permohonan BSH 2019 walau bagaimanapun tambahan bantuan sebanyak RM120 adalah berdasarkan kepada semakan data daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Anda tidak perlu mengemukakan sebarang dokumen pembuktian status OKU anak berkenaan.
25. **S:** Saya telah disenaraihitam semasa bantuan terdahulu. Adakah saya layak untuk memohon BSH 2019?
- J: Ya. Anda layak untuk membuat permohonan baharu BSH 2019.
26. **S:** Saya bukan Warganegara Malaysia. Adakah saya layak memohon BSH 2019?
- J: Tidak. Bantuan ini adalah untuk Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia sahaja.
27. **S:** Saya merupakan Warganegara Malaysia tetapi menetap di Singapura. Adakah saya layak memohon BSH 2019?
- J: Tidak. Bantuan ini adalah untuk Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia sahaja.

B. KEMAS KINI PERMOHONAN BAGI PENERIMA FASA PERTAMA BSH 2019

28. **S:** Saya berumur 70 tahun dan menerima bayaran Fasa pertama BSH 2019 tetapi tidak dapat hadir untuk kemas kini. Adakah permohonan BSH 2019 saya tidak akan diproses untuk bayaran fasa seterusnya?
- J: Bagi pemohon berstatus **Warga Emas (berumur 60 tahun dan ke atas)** yang menerima pembayaran Fasa Pertama BSH 2019 tidak perlu membuat kemas kini permohonan BSH 2019 kecuali terdapat perubahan maklumat. Permohonan pemohon akan diproses berdasarkan maklumat sedia ada BSH 2018.

29. **S:** **Saya berumur 65 tahun dan berstatus kahwin. Adakah saya perlu kemukakan Sijil Nikah bagi pengesahan status perkahwinan?**
- J: Bagi Pemohon BSH yang berumur 60 tahun dan ke atas (Warga Emas), Sebarang dokumen sokongan tidak perlu dikemukakan semasa permohonan BSH 2019. Anda hanya perlu mengisi Borang BSH 2019 sekiranya terdapat perubahan maklumat.
30. **S:** **Sekiranya saya berumur KURANG daripada 60 tahun dan tidak hadir untuk kemas kini permohonan BSH 2019 selepas menerima pembayaran Fasa pertama, adakah saya layak menerima bayaran fasa seterusnya?**
- J: Kegagalan untuk kemas kini permohonan akan menyebabkan permohonan BSH 2019 anda tidak akan diproses dan tidak layak menerima bayaran fasa seterusnya.
Kemas kini permohonan BSH 2019 perlu dibuat walaupun telah menerima bayaran fasa pertama kerana anda perlu:
- i. Melaporkan maklumat terkini dan mengikut syarat kelayakan BSH 2019 yang telah ditetapkan seperti Jawapan No 6 & 7; atau
 - ii. Melaporkan maklumat anak (sekiranya ada); atau
 - iii. Kemukakan dokumen sokongan yang telah ditetapkan
31. **S:** **Saya telah lulus BSH 2018 dan juga telah menerima pembayaran Fasa pertama BSH 2019. Maklumat yang saya daftarkan untuk BSH sebelum ini tidak berubah. Adakah saya akan layak menerima pembayaran seterusnya tanpa membuat kemas kini BSH 2019?**
- J: Anda perlu membuat kemas kini permohonan BSH 2019. Sila rujuk jawapan bagi soalan 28 dan 30.
32. **S:** **Saya telah diluluskan BSH 2018 dengan status Ibu Bapa Tunggal dan mempunyai 1 tanggungan. Adakah saya boleh hadir untuk kemas kini tambahan tanggungan yang lain?**
- J: Ya, sekiranya anda penerima bayaran Fasa pertama BSH 2019, tindakan kemas kini perlu dilakukan kerana maklumat tanggungan pada BSH 2018 tidak akan dibawa ke BSH 2019. Anda perlu membuat pendaftaran semula maklumat anak yang ada.
Sekiranya anda tidak layak menerima pembayaran Fasa Pertama BSH 2019, anda perlu membuat Permohonan Baharu BSH 2019 dengan mendaftarkan maklumat anak yang ada.

33. **S: Semasa permohonan BSH 2018 sebelum ini, saya telah kemukakan semua dokumen sokongan yang diperlukan. Adakah saya perlu kemukakan semula semasa permohonan BSH 2019?**
- J: Ya. Dokumen sokongan (yang berkaitan) yang telah dikemukakan semasa permohonan BSH 2018 perlu dikemukakan semula semasa permohonan BSH 2019.
34. **S: Suami saya telah menerima pembayaran Fasa Pertama BSH 2019. Bolehkah saya menukar permohonan suami saya kepada permohonan saya?**
- J: Pertukaran permohonan adalah tidak dibenarkan kerana permohonan suami telah mendapat bayaran Fasa Pertama dan telah wujud dalam BSH 2019. Tindakan kemas kini permohonan BSH 2019 akan dibuat atas permohonan suami.
Sekiranya permohonan suami lulus, pembayaran seterusnya akan dikreditkan terus ke akaun isteri bagi pasangan Warganegara Malaysia.
35. **S: Suami saya telah menerima bayaran Fasa Pertama BSH 2019 dan meninggal dunia pada Januari 2019. Adakah saya boleh membuat Permohonan Baharu BSH 2019?**
- J: Ya. Anda boleh membuat Permohonan Baharu BSH 2019 dengan status perkahwinan yang terkini kerana permohonan suami tidak layak menerima baki pembayaran BSH 2019.
36. **S: Suami saya telah menerima bayaran Fasa Pertama BSH 2019 dan meninggal dunia pada 1 Februari 2019. Adakah saya boleh membuat permohonan baharu?**
- J: Bagi penerima fasa pertama yang meninggal dunia mulai 1 Februari 2019, pasangan tidak perlu membuat Permohonan Baharu BSH 2019 tetapi boleh membuat kemas kini permohonan suami. Ini kerana, anda sebagai waris layak menerima SKK BSH 2019 jika permohonan suami lulus pembayaran Fasa Kedua BSH 2019.
Jika pembayaran Fasa Kedua BSH 2019 tidak lulus, anda boleh membuat Permohonan Baharu sekiranya permohonan rayuan dibuka kepada umum (tertakluk kepada arahan Kerajaan).

37. S: Ibu saya berstatus Ibu Bapa Tunggal telah menerima bayaran Fasa Pertama BSH 2019 dan meninggal dunia pada 1 Februari 2019. Adakah saya sebagai anak boleh membuat Permohonan Baharu?

J: Bagi penerima berstatus Ibu Bapa Tunggal yang menerima bayaran Fasa Pertama dan meninggal dunia mulai 1 Februari 2019, anak perlu membuat kemas kini permohonan pemohon dengan mendaftarkan maklumat anak yang layak. Ini kerana, anak yang didaftarkan sebagai waris layak menerima SKK BSH 2019 jika permohonan pemohon lulus pembayaran Fasa Kedua BSH 2019.

C. LAIN-LAIN

38. S: Bagaimana cara untuk saya mengetahui status permohonan BSH 2019?

J: Semakan Status permohonan BSH 2019 boleh dibuat seperti berikut:

- i. Portal Rasmi BSH LHDNM, <https://bsh.hasil.gov.my>;
- ii. Semakan secara Aplikasi Mobile BSH:
Muat turun di *Play Store* bagi platform Android dan di *Apps Store* bagi platform iOS



- iii. Hubungi LHDNM: 1-800-88-2747
(Waktu Operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang);atau
- iv. MoF: 03-8882 4565 / 4566
(Waktu Operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang);atau
- v. Hadir sendiri ke Cawangan LHDNM / PKH LHDNM / UTC LHDNM.

39. S: Bagaimana cara untuk saya mendapatkan maklumat terkini, membuat pertanyaan atau aduan berkaitan BSH 2019?

J: Anda boleh mendapatkan maklumat terkini, membuat pertanyaan atau aduan melalui saluran berikut:

- i. Portal Rasmi BSH LHDNM, <https://bsh.hasil.gov.my>; atau
- ii. Aplikasi Mobile BSH; atau
- iii. Hubungi LHDNM: 1-800-88-2747
(Waktu Operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang);atau
- iv. MoF: 03-8882 4565 / 4566
(Waktu Operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang);atau
- v. Hadir sendiri ke Cawangan LHDNM / PKH LHDNM / UTC LHDNM.

40. S: Jika seseorang memberi maklumat palsu, apakah tindakan yang akan dikenakan?

J: Seseorang boleh disabitkan kesalahan di bawah seksyen 193 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga tiga (3) tahun dan denda serta disenarai hitam oleh Kementerian Kewangan Malaysia dari menerima BSH.

41. S: Maklumat saya telah digunakan oleh individu lain bagi tujuan permohonan BSH 2019. Apakah yang perlu saya lakukan?

J: Anda perlu membuat laporan polis dan kemukakan bersama salinan pengenalan (Pasangan / Anak), sijil perkahwinan / Sijil Kematian / Sijil Perceraian (jika berkaitan) ke Cawangan LHDNM untuk tindakan selanjutnya.